




Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan ketika melakukan pemeriksaan di kawasan bukit Kilometer 46 Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Nilai, Negeri Sembilan.



Siasatan JAS juga belum menemui punca pencemaran bau yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup buat kali kelima tahun ini, kelmarin”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

‘JAS tidak menemui unsur sabotaj sumber air’

➔ MB Selangor diminta tampil kemukakan bukti tuduhan

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman, Rohaniza Idris, Mohd Azrone Sarabatin, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Siasatan awal Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak menemui sebarang bukti untuk mengaitkan perbuatan sabotaj dengan pencemaran Sungai Semenyih seperti didakwa Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata

siasatan JAS juga belum menemui punca pencemaran bau yang menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup buat kali kelima tahun ini, kelmarin.

“JAS masih meneruskan siasatan di sekitar kawasan itu dan meminta Mohamed Azmin tampil mengemukakan bukti jika benar perbuatan sabotaj itu berlaku bagi membantu siasatan.

Tiada bukti

“Sehingga sekarang, kita tidak terima atau menemui apa-apa (unsur sabotaj) dan kita pun belum kenal pasti jika ada kilang atau individu yang buat perkara ini. Kita tak ada bukti sebenarnya,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Kelmarin, LRA Sungai Semenyih ditutup berikutan pencemaran bau air.

Mohamed Azmin mendakwa pencemaran bau di Sungai Semenyih itu adalah perbuatan sabotaj pihak tertentu dan mengaitkannya dengan pilihan raya akan datang.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) dan EXCO Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Elizabeth Wong, dalam kenyataan mendakwa punca pencemaran dari kawasan Nilai, Negeri Sembilan.

Wan Junaidi berkata, tuduhan sabotaj itu adalah perkara serius kerana jika benar, pesalah melakukan jenayah dan boleh dikenakan tindakan berat, termasuk mengikut Akta Undang-Undang Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Pencegahan Jenayah 2013 (POCA).

Di Nilai, operasi pasukan pemantauan bersepadu yang disertai oleh enam agensi kerajaan diteruskan di kawasan Nilai, semalam, untuk menjejak punca pencemaran di Sungai Semenyih.

Tumpuan kawasan industri

Operasi diketuai JAS Negeri Sembilan, disertai Majlis Perbandaran Nilai, Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malay-

sia (JUPEM), Jabatan Pengairan dan Saliran, dan Jabatan Perhutanan.

Pengarah JAS negeri, Norhazni Mat Sari, berkata operasi yang bermula kelmarin memberi tumpuan terhadap kawasan industri dan kawasan sekitar yang berkemungkinan menyebabkan pencemaran Sungai Semenyih.

“Bagaimanapun, siasatan awal tiada bukti yang boleh mengaitkan kawasan perindustrian di Nilai dengan pencemaran di Sungai Semenyih,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Kawalan Alam Sekitar JAS negeri, Nurul Hani Hasnan, berkata pihaknya juga masih menjalankan siasatan di kawasan bukit di Kilometer 46.9 Lebuhraya ELITE dan berhampiran Taman Peringatan Xiao En di sini.

“Kami mengambil sampel tanah untuk diuji di makmal Jabatan Kimia dan keputusan dijangka diperoleh seawal-awalnya dua minggu lagi,” katanya selepas mengetuai operasi di lebuhraya itu, semalam.